



Pelanggan P1 atasi paras 500.000 tahun ini

KUALA LUMPUR: Packet One Networks (Malaysia) Sdn Bhd (P1) menyasarkan untuk melangkaui paras 500,000 pelanggan bagi perkhidmatan 4Gnya tahun ini, melalui peluasan liputan yang berterusan oleh syarikat itu.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Michael Lai, berkata, tahun ini bakal menjadi tahun pelancaran liputan besar-besaran bagi P1 berikutan sambutan

yang memberangsangkan terhadap perkhidmatan 4G P1.

“2012 bakal menjadi tahun bersejarah bagi P1. Kami telah meraih asas pelanggan yang kukuh dan semakin meningkat dengan lebih 356,000 pengguna di Malaysia pada suku ketiga 2011,” katanya dalam satu kenyataan kelmarin.

Lai berkata tahun lepas, syarikat itu memperluas liputannya dengan pesat, melalui pertambahan lebih

650 tapak liputan kepada 1,500 tapak kesemuanya hari ini.

“Ini bererti kami kini meliputi 50 peratus penduduk,” katanya.

Kata beliau, sasaran syarikat itu ialah menambah liputan kepada 65 peratus Semenanjung Malaysia.

Setakat ini P1 telah membelanjakan kira-kira RM700 juta sebagai modal bagi pelancaran perkhidmatan 4Gnya. - Bernama